



**TIMBALAN KETUA PENGARAH  
PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)**  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-88853002  
Faks : 03-88892639  
E-mel : farida@jpa.gov.my  
Web : http://www.jpa.gov.my



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008  
NO. SIJIL : MY-AR : 4697

**Rujukan kami: JPA(S)134/1/4 Klt.8 ( 77 )**

**Tarikh : 12 September 2012**

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri**

Tuan / Puan,

## **TEMPOH MINIMUM PEMANGKUAN PEGAWAI GRED UTAMA DAN GRED KHAS SEBELUM DIPERTIMBANGKAN KENAIKAN PANGKAT**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana tuan / puan sedia maklum, **pemangkuan** adalah bertujuan untuk **menilai keupayaan** pegawai melaksanakan tugas dan tanggungjawab di gred jawatan yang lebih tinggi yang menjadi asas penilaian **sebelum** pegawai **dipertimbangkan** kenaikan pangkat ke gred berkenaan.

3. Mengambil kira **kenaikan pangkat** ke jawatan Gred Utama / Gred Khas merupakan **satu pengiktirafan** yang amat tinggi terhadap kompetensi termasuk kualiti kepimpinan penjawat awam, maka pertimbangan kenaikan pangkat pegawai **perlu dibuat dengan teliti** bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah tepat. Selaras dengan itu, Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Bilangan 8 Tahun 2012 pada 10 Ogos 2012 telah **memutuskan tempoh minimum pemangkuan** bagi pegawai dalam **kumpulan Pengurusan Tertinggi** (Gred Utama / Gred Khas) sebelum dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah **tidak kurang daripada satu (1) tahun**.

2/...

4. Bagi memastikan kelancaran proses pertimbangan pengesahan kenaikan pangkat pegawai Gred Utama / Gred Khas di jabatan tuan / puan, kerjasama tuan / puan adalah dipohon untuk memastikan **Borang Perakuan Ketua Jabatan** yang telah **lengkap** (seperti yang telah dimaklumkan melalui surat Jabatan ini rujukan JPA(S)134/1/4 Klt.8 (74) bertarikh 9 Julai 2012) dikemukakan ke Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam selewat-lewatnya **30 hari selepas genap tempoh satu (1) tahun pemangkuan** pegawai.

5. Bagi **Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana**, buat masa ini **tempoh minimum** pemangkuan adalah **kekal sekurang-kurangnya 6 bulan** sebelum dipertimbangkan kenaikan pangkat.

6. Di atas perhatian dan kerjasama tuan / puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATUK FARIDA MOHD ALI)**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (P)  
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
MALAYSIA

s.k.:

Semua Pengurus Sumber Manusia Kementerian  
Semua Pengurus Sumber Manusia Jabatan Persekutuan  
Semua Pengurus Sumber Manusia Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri